

JANJI

"Janji" Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga, membawa maksud kesediaan dalam berbuat atau memberi suatu perkara, manakala perjanjian membawa maksud persetujuan atau permuafakatan antara dua pihak atau lebih.

Sikap suka menepati janji dan bertanggungjawab perlu sentiasa diterapkan dalam diri sebagai seorang penjawat awam. Sebagai contoh melalui Aku Janji yang telah kita lafazkan di awal perjawatan kita adalah bagi memastikan kita memahami serta menghayati matlamat sebenar menjadi seorang penjawat awam.

Aku Janji adalah suatu kontrak antara penjawat awam dengan majikan. Penjawat awam mesti memahami, menghayati dan mematuhi Aku Janji sebagai asas kepada amalan nilai dan etika dalam perkhidmatan awam. Sebarang keingkaran yang dilakukan, tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada mereka.

Dengan niat yang betul akan meningkatkan kualiti kerja pensyarah, staf profesional dan staf sokongan yang lain. Untuk mengamalkan budaya kerja cemerlang, ia bermula dengan niat yang betul, konsep ilmu yang betul, amalan yang betul, dinilai dan ditambah dengan amalan rohani secara berterusan.

Sebagai penjawat awam, marilah sama-sama kita menghayati Surat Aku Janji yang mana kita telah berjanji untuk taat setia kepada YDP Agong dan Kerajaan; melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab; tidak akan membelakangkan tugas awam untuk kepentingan peribadi; tidak akan berkelakuan sehingga kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam; tidak membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam; tidak akan menggunakan kedudukan untuk faedah diri sendiri; tidak memburuk dan mencemarangkan imej perkhidmatan awam; tidak membawa pengaruh luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan sama ada untuk diri sendiri atau orang lain; dan tidak ingkar perintah.

Surat Aku Janji ini merupakan satu ikrar untuk kita hayati dan menjadikan amalan dalam apa jua tindak tanduk kita sebagai penjawat awam. Bagi penjawat awam yang beragama Islam, marilah sama-sama kita menginsafi bahawa Aku Janji ini bakal menjadi saksi tatkala semua amalan kita dihitung di kemudian hari kelak.

Bercakap tentang imej jabatan, amat penting bagi sesebuah jabatan untuk menggubal Piagam Pelanggan jabatan dan memastikan ianya di tepati. Piagam Pelanggan adalah janji kita kepada pelanggan dan masyarakat mengenai kualiti perkhidmatan yang hendak diberikan kepada mereka. Janji yang gagal di tunaikan akan menimbulkan rasa tidak puas hati pelanggan terhadap jabatan berkenaan. Malah sekiranya rasa tidak puas hati ini tidak dibendung, ia boleh mempengaruhi tanggapan pelanggan bahawa jabatan Kerajaan tidak mampu memenuhi janji yang telah dibuat. Akibatnya imej keseluruhan Perkhidmatan Awam akan terjejas.

FAHAM

"FAHAM" secara umumnya faham membawa maksud tahu benar, sedar atau maklum berkenaan sesuatu (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka).

Maksud faham dalam konteks pekerjaan ialah bagaimana kita bijak untuk membaca atau memerhatikan keadaan yang berlaku di sekeliling kita. Kunci utama kepada kita untuk mula memahami dalam bergerak kerja ialah proses berfikir.

Kita sebagai insan perlu sentiasa berfikir. Kita perlu berfikir secara serius terutama apabila melibatkan soal penting dalam kehidupan seperti perkara yang melibatkan agama yang kita sayangi. Minda kita harus diasah untuk menjana idea-idea bernas untuk membantu melicinkan gerak kerja. Rajin berfikir di tambah dengan rajin menelaah dan seterusnya bertanya kepada yang lebih tahu, itulah langkah ke arah FAHAM . Jangan kita hanya mempersoalkan itu dan ini tanpa pernah cuba berfikir!

Kita tidak mungkin faham dengan sebenar faham akan sesuatu hanya dengan beberapa modul yang kita lalui. Yang paling penting, faham itu dari Allah SWT dan janganlah pernah jemu untuk memohon padaNya kerana kefahaman itu perlu dicari ... Fikirkanlah ...

MUHASABAH


Muhasabah membawa maksud menilai diri, menghitung kebaikan dan keburukan yang telah kita lakukan. kita perlu menghisab diri kita di waktu malam tentang apa yang telah kita lakukan sepanjang hari terutama dalam pekerjaan. Kita perlu menghisab diri di hujung minggu tentang apa yang telah kita laksanakan sepanjang minggu. Dan seterusnya kita perlu menghisab diri di akhir tahun untuk mempastikan apa sebenarnya yang telah kita lakukan untuk diri kita, keluarga kita, bangsa kita, negara kita dan agama kita di sepanjang tahun.

Muhasabah adalah apa niat kita untuk bekerja. Saya memandang lebih pada aspek dalaman iaitu hati dan niat. Untuk menjadi pekerja cemerlang, kita perlu bermula dari atas, iaitu niat hati. Buatlah muhasabah diri, kaji untuk apa kita turun setiap hari ke tempat kerja ? Adakah semata-mata hanya kerana kita dibayar gaji? Hanya mahukan gaji dan tak kisah apa itu kecemerlangan dalam kerjaya atau minat pada bidang kerja itu? atau kedua-duanya sekali? Ini kerana ada sesetengah mindset individu, dimana mereka menjadi malas, tak bersemangat, bekerja secara lepas tangan dan lebih suka tak ambil kisah, janji duit gaji masyuk. Malah, ada juga yang menjadikan tangga gaji sebagai 'booster' motivasi. Sikap seperti disiplin, komitmen, fokus, produktiviti, prestasi kerja, kerjasama dan akhir sekali mindset positif untuk menjadi cemerlang dalam kerjaya adalah amat penting bagi seseorang pekerja cemerlang. Penilaian diri (self-evaluation) ini tidak sama ertiannya atau kurang bermakna jika seorang itu pada awalnya tidak menggariskan, merancang atau menentukan apa yang ia hendak laksanakan dalam tempoh tertentu. Begitu juga penilaian diri bukan bermaksud agar kita menguji orang-orang lain dengannya, tetapi agar kita menguji diri sendiri, dan setelah mengetahui kekurangan dalam diri kita dan kesilapan strategi di dalam pekerjaan lakukanlah penambahbaikan.

Dengan inisiatif sendiri, lakukan lebih dari apa yang perlu kita lakukan dalam bidang pekerjaan. Misalnya, jika kawan sekerja kita masuk kerja jam 8.30 pagi hingga 5 petang. Kita pula masuk jam 8.00 pagi hingga 7 petang, tanpa mengharap elaun lebih masa atau overtime. Timbulkan rasa seronok bekerja, sehingga anda tak sedar masa berlalu...

Muhasabah ini tidak akan mendatangkan apa-apa manfaat kepada bangsa dan negara melainkan seorang itu menyedari bahawa dia ada peranan dan kewajipan sebagai anggota masyarakat. Jika muhasabah atau penilaian semula itu hanya setakat mengukur kejayaan diri secara sempit, tanpa mengambil kira sumbangan yang telah dapat dicurahkan kepada sanak saudara, kepada masyarakat setempat, kepada bangsa dan negara, kepada agamanya, ia belum lagi mencapai maksud sebenar.

Renungilah Firman Allah Taala: “*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan*”. (Surah al-Hasyr:18).



Dari Meja **Naib Canselor**